

**KESAN JANGKA PENDEK PESTA PANTAI TERHADAP DUA PANTAI DI
TERENGGANU : MENGABANG TELIPOT DAN BATU BURUK**

KHAIRUL A 'AMALI BIN ISMAIL

**FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA**

1993

**KESAN JANGKA PENDEK PESTA PANTAI TERHADAP DUA PANTAI DI
TERENGGANU : MENGABANG TELIPOT DAN BATU BURUK**

OLEH

KHAIRUL A'AMALI BIN ISMAIL

Laporan projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan
untuk mendapatkan Ijazah Bacelor Sains Perikanan

**FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR
1993**

1100023715

200002810

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihi. Saya bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menyiapkan laporan projek tahun akhir ini dengan jayanya.

Pertamanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia pertama saya, Dr. Mohd. Lokman Husain dan penyelia kedua saya, En. Rosnan Yaacob yang telah banyak memberi bimbingan serta teguran di dalam menyiapkan laporan ini.

Tidak dilupakan kepada En. Nazuki Sulong, En. Mohammad Embong dan En. Hamin Jusof yang telah membantu sewaktu penyampelan dilakukan, kakitangan perpustakaan yang membantu dalam pencarian bahan rujukan dan rakan-rakan yang memberikan pertolongan secara langsung dan tidak langsung di dalam menyiapkan projek ini.

Teristimewa buat Emak dan Yang serta keluarga kerana telah banyak berkorban dan memberi dorongan serta nasihat kepada saya sepanjang pengajian di Universiti Pertanian Malaysia. Semoga Allah jua membalas jasa anda semua.

Khairul A'amali Ismail (Cacing)
22hb. April, 1993.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk memerhatikan kesan jangka pendek aktiviti pesta pantai yang diadakan di Pantai Mengabang Telipot dan Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu. Kajian ini mendapati perubahan geomorfologi yang berlaku di pantai yang diadakan pesta mengakibatkan kadar hakisan yang lebih tinggi berlaku berbanding dengan pantai yang tidak diadakan pesta. Ini mengakibatkan proses pemulihan semulajadi di pantai tersebut akan menjadi lebih lambat. Analisa partikel di kawasan yang diadakan pesta mengalami perubahan yang nyata di mana pasir berubah menjadi lebih kasar. Pantai ini didapati lebih mudah terhakis melalui penganalisan profil-profil pantai. Jumlah litupan tumbuh-tumbuhan di pantai yang diadakan pesta ternyata lebih kecil berbanding dengan pantai yang tidak diadakan pesta. Tambahan pula, kadar pertumbuhan tumbuh-tumbuhan di pantai berkenaan juga nyata lebih perlahan berbanding dengan pantai yang tidak diadakan pesta.

ABSTRACT

The purpose of this study is to observe the short term effect of the beach fest activities held at the beaches of Mengabang Telipot and Batu Buruk, Kuala Terengganu. The study showed that the geomorphological changes that occurred on the festive beaches caused higher rate of erosion compared to the non-festive beaches leading the natural recovery process to be slower. Particles analyses showed that mean size of particles on festive beaches become significantly coarser. Festive beaches are also more easily eroded compared to the non-festive beaches as evident by the profile analyses. Total vegetation coverage on festive beaches is significantly less compared to the non-festive beaches. Additionally, the growth rate of vegetation on the festive beaches is also significantly slower compared to the non-festive beaches.